

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Kepada Semua Ketua-Ketua Jajahan,  
Kelantan.

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1966**

### **SYARAT KELULUSAN DI BAWAH BAB 124 UNDANG-UNDANG TANAH KEBANGSAAN NO.56/65, BAB 104 UNDANG-UNDANG TANAH NEGERI KELANTAN NO.26/38 DAN BAB 13A UNDANG-UNDANG SIMPANAN TANAH BAGI ANAK-ANAK MELAYU NO.18/30**

---

Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 13hb. Februari, 1965 telah menimbangkan Kertas Bil.4/105/66/II (20) dan membuat keputusan bahawa apabila diambil tindakan di bawah salah satu atau kesemuanya daripada Undang-undang seperti di bawah ini maka hendaklah disemak hasil berkaitan dikenakan harga tanah tambahan seperti yang dicatitkan di perenggan 2, 3, 4 dan 5 dalam pengedaran ini :-

- (a) Apabila persetujuan Kerajaan diberi di bawah bab 124 Undang-undang Tanah Kebangsaan No. 56/65.
- (b) Apabila persetujuan Kerajaan diberi di bawah bab 104 Undang-undang Tanah Kebangsaan No.26/38 yang dilanjutkan kuasanya di bawah perenggan 6(b) Schedule ke-12 Undang-undang Tanah Kebangsaan.
- (c) Kerajaan diberi di bawah bab 13A Undang-undang Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu No.18/30.

2. Apabila permohonan memaling lot diluluskan di bawah 124 Undang-undang Tanah Kebangsaan maka hasil bagi tanah tersebut hendaklah dikira supaya hasil yang

dikenakan itu mengikut jadual hasil sebagaimana yang telah ditetapkan dalam pindaan kepada Peraturan Tanah Negeri Kelantan, 1938 yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 4hb Januari, 1966 dan dipinda semula pada 22hb Februari, 1966.

3. Apabila tanah yang berkenaan yang diluluskan di bawah Bab 124 itu letaknya di luar kawasan bandar atau bandar kecil (country land) ditukarkan syarat daripada tanah pertanian kepada tanah bangunan maka dikenakan harga tanah tambahan sebanyak 10% daripada perbezaan nilai pasaran tanah tersebut sebagai tanah pertanian dengan nilai pasaran tanah itu sebagai tanah bangunan. Misalnya apabila sebidang tanah itu berharga sebanyak \$3000.00 sebagai tanah pertanian dan meningkat sebanyak \$8000.00 sebagai tanah bangunan maka harga tambahan yang dikenakan ialah 10% daripada \$8000.00 - \$3000.00 iaitu sebanyak \$500.00 sahaja.

4. Apabila kelulusan diberi untuk membuat perkiraan di bawah bab 13A Undang-undang Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu No.18/30 maka bagi tanah tersebut hendaklah dibuat perkiraan baru akan hasilnya supaya hasil tahunan di atas tanah tersebut mengikut hasil tahunan yang ditetapkan di dalam pindaan kepada Peraturan Tanah Negeri Kelantan, 1938 yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 4hb Januari 1966 dan dipinda semula pada 22hb Februari 1966. Tafsiran harga pasaran bagi tanah yang dibuat perkiraan di bawah bab 13A Undang-undang Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu adalah diertikan harga yang mungkin diperolehi apabila harga itu dijual dengan tidak ada bangunan-bangunan di atas nya. Misalnya harga pasaran bagi satu lot tapak gudang untuk perkiraan mengikut kehendak perenggan ini ialah harga yang mungkin diperolehi apabila tanah tapak gudang itu bertukar nama dengan tidak ada bangunan di atas tanah tersebut.

5. Apabila kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan diberi untuk membuat perkiraan di bawah Bab 104 Undang-undang Tanah Negeri Kelantan No.86/38 yang dilanjutkan kuasanya di bawah perenggan 6(b) Schedule ke-12 Undang-undang Tanah Kebangsaan maka hasil bagi tanah yang berkenaan hendaklah dihitung semula supaya mengikut jadual hasil sebagaimana yang ditetapkan dalam pindaan kepada Peraturan Tanah Negeri Kelantan 1938 yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 4hb Januari 1966 dan dipinda semula pada 22hb Februari 1966. Dalam hitungan ini juga tafsiran harga pasaran adalah sebagaimana dicatitkan dalam perenggan 4 di atas.

6. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diingatkan supaya apabila mengemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk mendapat persetujuan di bawah salah satu daripada perkara di dalam perenggan 1(a), (b) atau (c) di atas ataupun kesemuanya sekali maka di dalam kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan itu hendaklah dicatitkan hitungan hasil yang akan dikenakan apabila persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan diperolehi supaya Majlis dapat menimbangkan permohonan tersebut dengan telitinya. Ini tidaklah bermakna bahawa Pemungut Hasil Tanah tidak boleh membuat syor-syor yang lain untuk diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan kerana mengikut Bab-bab yang berkenaan Majlis juga mungkin mengenakan sekatan hak dan syarat-syarat seperti syarat bangunan dan lain-lain apabila persetujuan di beri di bawah salah satu daripada bab-bab tersebut di atas. Cuma di sini Majlis ini belum lagi bersedia membuat keputusan am berkenaan dengan perkara-perkara yang lain itu kerana syarat-syarat dan sekatan hak jika dikenakan akan diputuskan mengikut keadaan ataupun kedudukan satu-satu permohonan itu.

**t.t**

**(Hashim bin Aman)**

Pesuruhjaya Tanah dan Galian  
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN**

**KOTA BHARU:** 8HB. MAC, 1966